



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 2 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-2-2023/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



**METODOLOGI AL-QADHI EMADUDDEEN
AL-KINDI (W. 741H) DI DALAM TAFSIRNYA:
*AL-KAFEEL BI MA'ANI AL-TANZIL***

**The Methodology of Al-Qadhi Emaduddin Al-Kindi (d. 741 AH) in His
Exegesis: *Al-Kafeel Bi Ma'ani Al-Tanzil***

**Wafa Abdul Jabbar Shohibuddin,* Muhammad Lukman Mat Sin & Mohamad Hafiz
Darpen**

Jabatan al-Quran Wa 'Ulumih, Fakulti al-Quran dan Sunnah,
Kolej Universiti Islam Perlis, Perlis, Malaysia
*Corresponding author: wafa@kuips.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0802-03>

Article history

Received: 03/12/2023	Revised: 18/12/2023	Accepted: 25/12/2023	Published: 27/12/2023
-------------------------	------------------------	-------------------------	--------------------------

Abstrak

Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W sebagai mukjizat hingga hari kiamat. Para ulama telah meluangkan banyak waktu dan usaha mereka bagi menggali segala yang berharga di dalam al-Quran dan seterusnya menyebarkannya dengan pelbagai cara. Di kalangan mereka, ada yang menggunakan metodologi penelitian serta komentar kepada kitab yang terdahulu daripada mereka seperti Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi. Al-Kindi telah meneliti kitab al-Kashshaf karya al-Zamakhshari serta memberi komentar dari pelbagai sudut. Justeru, penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk membahas metodologi tafsir al-Quran yang digunakan oleh al-Kindi dalam karyanya yang terkenal, *Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil*. Penulis menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian kualitatif serta analisis tematik untuk mengkaji latar belakang al-Kindi dan mengenalpasti metodologi penulisan beliau di dalam tafsirnya. Hasil kajian mendapati bahawa al-Kindi adalah seorang yang alim dan mahir dalam bidang tafsir, beliau menggunakan keluasan ilmunya dalam pentafsiran al-Quran al-Karim. Antara cadangan daripada hasil kajian ini antaranya ialah menubuhkan projek-projek kajian untuk mengembangkan lagi pemikiran dan karya penulisan al-Kindi. Ianya diharapkan dapat menjadi pencetus dalam memperkenalkan Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi sebagai seorang ulama dalam bidang tafsir di kalangan masyarakat serta menerangkan metodologi beliau di dalam tafsirnya.

Kata Kunci: Al-Kafeel, Al-Kindi, Metodologi, al-Quran



Abstract

The sacred scripture Al-Quran, considered the divine revelation of Allah and bestowed upon Prophet Muhammad S.A.W as a miraculous guide until the Day of Judgment, has been the subject of profound scholarly inquiry. Scholars have invested significant time and effort in exploring the invaluable content of the Quran and disseminating its teachings through various means. Some scholars adopt research methodologies and provide commentary on the works of their predecessors, as exemplified by Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi. Al-Kindi's comprehensive examination of 'Al-Kashshaf' by al-Zamakhshari, coupled with commentary from diverse perspectives, constitutes a noteworthy example. This article aims to scrutinize the Quranic interpretation methodology employed by al-Kindi in his distinguished work, 'Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil.' Employing literature review, qualitative study methods, and thematic analysis, the author delves into al-Kindi's background and identifies his interpretative approach in the Tafsir. The findings of the study underscore al-Kindi's prowess as a knowledgeable and adept figure in the field of Quranic interpretation, utilizing his extensive knowledge to expound upon the Noble Quran. The study recommends the initiation of research projects aimed at further developing al-Kindi's thoughts and writings. It is anticipated that these initiatives will serve as a catalyst for introducing Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi as a distinguished scholar in the field of exegesis, elucidating his interpretative methodology for the broader public.

Keywords: Al-Kafeel, Al-Kindi, Methodology, al-Quran

PENGENALAN

Sesungguhnya kitabullah al-Quran al-Karim adalah ibarat tali Allah yang kuat dan kukuh, cahaya yang terang benderang, memberi petunjuk ke jalan yang lurus, kekal hingga ke hari kiamat, sesiapa yang berpegang teguh dengannya nescaya dia akan selamat di dunia dan akhirat, dan yang berpaling daripadanya sesungguhnya dia telah menempah seburuk-buruk tempat kembali (al-'Awasiah, 2019). Allah Taala telah menjadikannya sebagai rahmat, pemberi khabar gembira serta petunjuk yang menerangkan segala sesuatu kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. Allah Taala berfirman:

(وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ)

(Al-Nahl: 89)

Ertinya: “Telah kami turunkan kepada kamu al-Kitab bagi menerangkan segala sesuatu dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi orang yang menyerah diri”.

Para ulama tidak pernah jemu dalam mengkajinya, keajaibannya banyak tidak terkira. Mereka telah meluangkan banyak waktu dan usaha mereka bagi menggali segala yang berharga di dalam al-Quran dan seterusnya menyebarkannya, baik melalui upaya membaca dan menghafal, mahupun melalui penafsiran, penulisan, pengajaran, dan pembelajaran. Dalam kalangan mereka, ada yang menggunakan metodologi penelitian serta komentar kepada kitab yang terdahulu daripada mereka seperti Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi di dalam tafsirnya: Al-Kafeel Bi Ma'ani Al-Tanzil. Al-Kindi adalah seorang ulama besar yang meninggal dunia pada kurun ke-8. Beliau telah meneliti kitab al-Kashshaf karya al-Zamakhshari serta memberi komentar daripada pelbagai sudut.

Justeru, artikel ini membahas metodologi tafsir al-Quran yang digunakan oleh al-Qadhi Emaduddin al-Kindi dalam karyanya yang terkenal, "Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil." Kertas kerja ini akan terdiri daripada pendahuluan yang menerangkan sebab dan kepentingan kajian, kemudian

pada bahagian seterusnya penulis bercerita berkenaan latar belakang al-Kindi dan metodologi beliau di dalam tafsirnya, dan sebagai penutup penulis menyatakan dapatan kajian.

Objektif kajian ini adalah untuk membantu masyarakat dalam memahami hukum-hukum, ajaran moral, dan petunjuk-petunjuk lain yang merangkumi kehidupan seorang Muslim. Selain itu juga, kajian ini juga diharapkan dapat mengembangkan lagi kajian tafsir yang melibatkan metodologi tertentu yang digunakan oleh para pentafsir al-Quran. Pengembangan kaedah tafsir ini membantu memahami ayat-ayat al-Quran dengan pendekatan ilmiah dan sistematik. Semoga dengan kajian kertas kerja ini dapat menjadi pencetus dalam memperkenalkan Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi sebagai seorang ulama dalam bidang tafsir di kalangan masyarakat serta menerangkan metodologi beliau di dalam tafsirnya.

KAJIAN LITERATUR

Latar Belakang Al-Qadhi Emaduddeen Al-Kindi

Nama beliau ialah Al-Qadhi Abu al-Husein bin Abi Bakar bin Abi Al-Husein Emaduddeen al-Kindi al-Iskandari al-Maliki. Beliau dilahirkan pada tahun 654H dan wafat pada tahun 741H di wilayah Iskandariah, Mesir. (Ibnu Rafi', 1982).

Latar Belakang Kehidupan

Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi adalah seorang yang alim, mufassir dan pakar dalam bidang Nahu, berpegang pada mazhab Maliki, menjadi qadhi di Mesir pada zamannya, bahkan beliau diberi gelaran dengan ketua qadhi. Beliau banyak mengarang, meriwayatkan hadith serta memberi fatwa. (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Guru-guru beliau

Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi telah menuntut ilmu dari sejumlah ulama di zamannya antaranya;

- a. Sheikh al-Qurra' Abi Muhammad Abdul Nasir bin Ali bin Yahya al-Maryuti 680H/1281M.
- b. Sheikh Abu Abdillah Muhammad bin Abdillah bin Abdul Aziz bin Umar bin Jamaluddin al-Tilmisani al-Nahwi al-Maliki, wafat pada tahun 680H/1281M.
- c. Al-Allamah al-Faqih al-Mujtahid Taqiyuddin Abu al-Fath Muhammad bin Abi al-Hasan Ali al-Misri, beliau lebih dikenali dengan gelaran 'ibnu Daqiq al-Eid', wafat pada tahun 702H/1302M.
- d. Al-Hafiz Syarafuddin Abu Muhammad Abdul Mukmin bin Khalaf bin Abi al-Hasan al-Dumyati, wafat pada tahun 705H/1305M.

Anak-anak murid beliau

Berkata salah seorang muridnya: "Dia mengajar di sekolah-sekolah yang terbaik, majlisnya akan penuh dengan orang yang berdiri dan duduk, dihadiri para alim ulama besar dan mulia, mereka semua menuntut ilmu dan mengambil manfaat daripadanya, sambil merendahkan suara dan melunakkan ucapan". (Khalid al-Balwi).

Di antara anak murid yang pernah menuntut ilmu dengan beliau ialah;

- a. Ahmad bin Muhammad bin Abdullah al-Iskandari al-Maliki wafat pada tahun 759H/1358M.
- b. Khalid bin Isa bin Ahmad bin Ibrahim bin Abi Khalid al-Balwi wafat pada tahun 767H/1365M.

- c. Abu Ishaq Ibrahim bin Abdullah bin Ibrahim.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjelaskan berkenaan skop perbincangan, secara asasnya kajian ini memfokuskan mengenai latar belakang al-Kindi dan mengenalpasti metodologi yang digunakan olehnya dalam penulisan kitab tafsir beliau Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan teknik pengumpulan data dari sumber kepustakaan dan kemudiannya analisis data-data tersebut dengan kaedah analisis tematik. Analisis tematik dapat memberikan pemahaman mendalam tentang metodologi yang digunakan oleh penulis tafsir dalam mentafsirkan al-Quran dan bagaimana pendekatan tersebut mempengaruhi pemahaman dan penafsiran mereka. Berikut adalah langkah-langkah yang digunakan oleh penulis dalam analisis tematik ini;

- a. Fasa Pertama ialah pengumpulan data: Sumber data yang digunakan termasuk teks al-Quran al-Karim, kitab Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil, penulisan bibliografi, artikel, jurnal, tesis, dan bahan penulisan relevan yang dikaji. Penulis mengumpulkan data berkaitan dengan metodologi yang digunakan oleh penulis tafsir tersebut dengan mengenalpasti ayat-ayat atau bahagian tertentu yang mencerminkan metodologi yang digunakan.
- b. Fasa Kedua adalah mengenalpasti tema-tema utama yang berkaitan dengan metodologi al-Kindi, seperti tafsir al-Quran bil Ma'thur, al-Qiraat, ilmu Nuzul al-Quran, persoalan aqidah dan fiqh. Penulis akan mengumpulkan petikan teks yang berkaitan dan mengklasifikasikan dalam setiap tema yang dibawa.
- c. Fasa Ketiga adalah fasa analisis. Penulis menganalisis setiap tema secara terperinci untuk memahami bagaimana al-Kindi menggunakan metodologi tersebut dalam tafsirnya.
- d. Fasa Terakhir ialah fasa dimana penulis menyajikan hasil temuan kajian dengan cara pembawaan contoh konkrit dari teks tafsir yang mendukung setiap penemuan.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Metodologi Al-Kindi Di Dalam Tafsirnya Al-Kafeel Bi Ma'ani Al-Tanzil

Secara umumnya beliau akan memulakan penulisannya dengan menyebut ayat al-Quran yang akan ditafsirkan terlebih dahulu, kemudian beliau akan menukikkan kata-kata al-Zamakhshari daripada al-Kashshaf secara menyeluruh berkenaan tafsiran ayat tersebut. Beliau kemudiannya memulakan analisis dengan menyentuh bacaan-bacaan qiraat mutawatir yang terdapat pada ayat tersebut, diikuti dengan penjelasan mendalam mengenai makna padanya. Beliau turut menukikkan beberapa pandangan dan pendapat di kalangan salaf berkenaan tafsir ayat tersebut, adakalanya beliau akan memberikan ulasan tambahan dan penjelasan terhadap pandangan al-Zamakhshari. Penting untuk ditekankan bahawa pendekatan beliau tidak hanya terbatas pada tafsiran al-Zamakhshari semata, tetapi lebih cenderung untuk meluaskan ruang lingkup penafsirannya dengan menambahkan beberapa sudut tafsiran yang lain. Oleh kerana itu, al-Kafeel bukan hanya berfungsi sebagai catatan kaki dan syarahan kepada al-Kashshaf semata, tetapi juga sebagai kitab tafsir yang menafsirkan kalam Allah SWT. (Widragu Abu Bakar, 2019)

Adapun perincian bagi metodologi al-Kindi, penulis memperincikan kepada beberapa bahagian;

1. Metodologi al-Kindi berkaitan tafsir al-Quran bil Ma'thur :
 - a. Tafsir al-Quran dengan al-Quran.
 - b. Tafsir al-Quran dengan al-Sunnah.
 - c. Tafsir al-Quran dengan pendapat salaf.
2. Metodologi al-Kindi berkaitan al-Qiraat dalam penafsiran al-Quran.
3. Metodologi al-Kindi berkaitan ilmu Nuzul al-Quran penafsiran al-Quran.
 - a. Al-Makki dan al-Madani
 - b. Asbab al-Nuzul
 - c. Nasikh dan al-Mansukh
4. Metodologi al-Kindi berkaitan permasalahan Aqidah dalam penafsiran al-Quran.
5. Metodologi al-Kindi berkaitan permasalahan Fiqh dalam penafsiran al-Quran.

Metodologi al-Kindi dalam Tafsir bil Ma'thur

Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran

Metodologi tafsir ini dianggap sebagai yang terbaik dan paling mulia. Ini kerana tidak ada sesiapa yang lebih memahami kalam Allah selain daripada Allah sendiri. Dengan erti kata lain, metod tafsir ini dianggap sebagai bentuk tafsir yang paling tepat dan paling tinggi kedudukannya. Ini disebabkan oleh fakta bahawa ayat-ayat al-Quran sendiri memberikan penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran lain yang memerlukan tafsiran. (Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2021).

Mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dapat difahami dari pelbagai perspektif, antaranya contoh yang dibawakan al-Kindi ialah: Beliau menafsirkan ayat ke-84 dari surah Hud, tatkala Nabi Allah Syuaib -alaihissalam- berkata kepada kepada kaumnya. Firman Allah Taala:

(وَلَا تَنْفُسُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ إِنِّي أَرَأَيْتُمْ بِخَيْرٍ)

(Hud: 84)

Ertinya: Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan.

Kemewahan di sini ditafsirkan sebagai nikmat harta kekayaan. Al-Kindi berkata:

قوله تعالى: (إِنِّي أَرَأَيْتُمْ بِخَيْرٍ) [هود: 84]: تذكير لهم بنعمة المال، والغنى، وهو ظاهر قولهم: (أَوْ أَنْ تَفْعَلَ فِيَّ

أَمْوَالِنَا مَا نَشَاءُ) [هود: 87]: فدل أنهم كانوا أصحاب أموال هي منشأ استكبارهم وافتخارهم.

Maksudnya: “Firman Allah Taala: (Sesungguhnya aku melihat kamu berada dalam kemewahan) (Hud: 84) Ianya suatu peringatan bagi mereka dengan kenikmatan wang dan kekayaan, berdasarkan firman Allah Taala: (supaya kami lakukan apa yang kami mahukan dengan harta-harta kami) (Hud: 87) makna ayat ini menunjukkan bahawasanya mereka adalah kaum yang kaya dengan harta yang menjadi sebab mereka menjadi sombong dan berbangga-bangga” (Abu Anyas, 2020).

Tafsir Al-Quran Dengan Al-Sunnah

Nabi Muhammad SAW merupakan manusia yang paling layak untuk mentafsir al-Quran. Hal ini kerana al-Quran itu sendiri telah diturunkan kepada baginda. (Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2021). Tafsir al-Quran dengan al-Sunnah ialah dengan mentafsirkan al-Quran dengan kata-kata Rasulullah S.A.W. (Ibnu al-Uthaimin, 2016). Di antara contoh pentafsiran al-Kindi dalam metodologi ini ialah: Firman Allah Taala:

(وَلِيَحْمِلَنَّ أَثْقَاهُمْ وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ وَلَيَسْئَلَنَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَمَّا كَانُوا يَفْتَرُونَ)

(al-Ankabut: 13)

Ertinya: Dan sesungguhnya mereka akan menanggung beban-beban dosa mereka dan beban-beban (dosa orang-orang yang mereka sesatkan) bersama-sama dengan beban-beban dosa mereka sendiri; dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari kiamat kelak tentang apa yang mereka pernah ada-adakan secara dusta itu.

Al-Kindi berkata:

ثم أخبر تعالى عن أولئك الكفرة أنهم يحملون أثقالهم من كفرهم الذي يجترحونه ويلتبسون به (وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ) يريد ما يلحقهم من إغوائهم لعامتهم وأتباعهم، فإنه يلحق كل داع إلى ضلالة كفل منها حسب الحديث المشهور؛ (أيما داع دعى إلى هدى فاتبع عليه؛ فله مثل أجور من اتبعه لا ينقص ذلك من أجورهم شيئاً، وأيما داع دعى إلى ضلالة).

Maksudnya: “Allah SWT memberitahu berkenaan orang-orang kafir ini bahawa mereka akan memikul beban dosa orang yang mereka sesatkan kerana kekufuran mereka.” (وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ)

Ayat ini menceritakan tentang apa yang akan menimpa mereka akibat dari tipu daya mereka terhadap pengikut mereka, kerana dosa kesesatan pengikut akan ditanggung oleh setiap orang yang menyeru kepada kesesatan yang dia sebarkan, seperti dalam hadis yang masyhur: “Sesiapa yang menyeru kepada hidayah kemudian seruannya diikuti, maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang mengikutinya, tanpa mengurangi pahala mereka sedikit pun, dan sesiapa yang menyeru kepada kesesatan.” (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Tafsir Al-Quran Dengan Pendapat Salaf

Diantara sumber pentafsiran al-Quran yang utama adalah tafsir al-Quran dengan pendapat salaf. Salaf adalah golongan yang hidup pada kurun terawal umat ini iaitu mereka adalah golongan Sahabat dan Tabi'in. Diantara metodologi al-Kindi dalam kitabnya al-Kafeel adalah tafsir al-Quran dengan pendapat salaf. Contohnya: Firman Allah Taala:

(إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ أَوْثَانًا وَتَخْلُقُونَ إِفْكًا)

(al-Ankabut: 17)

Ertinya: "Kamu hanyalah menyembah berhala-berhala yang diperbuat oleh orang lain, tidak menyembah Allah yang mencipta segala-galanya, dan kamu hanya mengadakan penyembahan yang dusta."

Al-Kindi berkata :

اختلف في معنى (وَتَخْلُقُونَ) فقال ابن عباس: هو نحت الأصنام وخلقها.

Maksudnya: “Para ulama’ berbeza pendapat pada makna kalimah (وَتَخْلُقُونَ). Ibnu Abbas - radhiallahu anhum- berkata: Ianya adalah ukiran dan penciptaan berhala. (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Metodologi Al-Kindi Berkaitan Al-Qiraat Dalam Pentafsiran Al-Quran

Al-Qiraat adalah salah satu dari cabang Ulum al-Quran, ianya berkaitan perbezaan bacaan yang terdapat dalam sesuatu ayat. Al-Kindi sangat memberi perhatian dalam menukulkan perbezaan sesuatu bacaan al-Quran dalam tafsirnya. Beliau akan menyebut nisbah sesuatu bacaan kepada

pembacanya dan kemudian mensyarahkan makna yang terdapat dalam ayat tersebut (Suhaib, 2018). Contohnya adalah pada firman Allah Taala:

(فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ)

(al-Nisa': 11)

Ertinya: Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga.

Al-Kindi berkata:

الذين قرأوا (فَإِأُمِّهِ) بالضم: ابن كثير ونافع وعاصم وأبو عمرو، والذين قرأوا بكسرهما حمزة والكسائي، فوجه قراءة من كسر الهمزة أن الهمزة حرف مستثقل، فأتبعوها ما قبلها وما بعدها؛ ليكون العمل من وجه واحد، وأما من ضَمَّ فعلى الأصل.

Maksudnya: Mereka yang membaca (فَإِأُمِّهِ) dengan baris depan: Ibn Kathir, Nafi', Asim, dan Abu Amr, dan mereka yang membaca (فَإِأُمِّهِ) dengan baris bawah: Hamzah dan Al-Kisa'i. Makna dari bacaan berbaris bawah bagi huruf (فَإِأُمِّهِ) ialah menunjukkan huruf tersebut adalah huruf yang berat, maka barisnya mengikuti baris yang sebelum dan selepasnya, ianya bagi memudahkan perkataan tersebut dibaca, adapun baris hadapan (فَإِأُمِّهِ), ianya mengikut asal perkataan tersebut dalam al-Quran (Suhaib, 2018).

Metodologi Al-Kindi Berkaitan Ilmu Nuzul Al-Quran Dalam Penafsiran Al-Quran

Al-Makki dan al-Madani

Al-Kindi menyatakan ilmu al-Makki dan al-Madani pada setiap permulaan surah berserta perbincangan tentang bilangan ayat dan perselisihan yang berkaitan dengannya. Contohnya:

Al-Kindi berkata:

سورة الروم: مكية إلا قوله: (فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ) [الروم: ١٧]، وهي ستون آية، وقيل: تسع وخمسون.

Maksudnya: “Surah al-Rum: Makkiyyah kecuali firman-Nya: (Maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh.) [al-Rum: 17] ia mempunyai 60 ayat. Dikatakan: 59 ayat.”

Beliau juga membincangkan dari sudut penentuan makna ayat. Contohnya ketika beliau mentafsirkan ayat 46, surah al-Ankabut, firman Allah Taala:

(﴿ وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ﴾)

(al-Ankabut: 16)

Ertinya: Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik.

Al-Kindi berkata:

والذي يتوجه في معنى الآية إنما يتضح مع معرفة الحال في وقت نزول الآية، وذلك أنّ السورة مكية من بعد الآيات العشر الأول.

Maksudnya: “Dalam penentuan makna ayat, ia dapat dijelaskan dengan pengetahuan keadaan ketika sesuatu ayat diturunkan. Hal ini berdasarkan kedudukan surah ini sebagai Makkiyyah selepas sepuluh ayat yang pertama daripada surah ini.” (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Asbab Nuzul

Beliau juga menekankan aspek perbahasan sebab penurunan ayat. Contohnya, beliau menyebut ketika mentafsirkan ayat 28, surah al-Ahzab, firman Allah Taala:

(يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ إِن كُنْتُنَّ تُرِدْنَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْنَ أُمَتِّعْكُنَّ وَأُسَرِّحْكُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا)

(al-Ahzab: 28)

Ertinya: Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: "Sekiranya kamu semua mahukan kehidupan dunia (yang mewah) dan perhiasannya (yang indah), maka marilah supaya aku berikan kepada kamu pemberian mut'ah (sagu hati), dan aku lepaskan kamu dengan cara yang sebaik-baiknya.

Al-Kindi berkata:

اختلف في سبب هذه الآية: فقال قتادة: "سببها غير غارثها عائشة". وقال ابن زيد: "وقع بين أزواجه ﷺ تغاير ونحوه". وقال ابن الزبير "سبب نزولها: طلب أزواج النبي ﷺ النفقة وتشططن في تكليفه منها فوق وسعِهِ.

Maksudnya: “Ulama berbeza pendapat tentang sebab nuzul ayat ini. Kata Qatadah: “Sebabnya ialah kecemburuan Aisyah RHA. Kata Ibnu Zaid: “Ia berlaku dalam kalangan isteri-isteri Nabi SAW yang cemburu dan sebagainya..”. Kata Ibnu al-Zubair: “Sebab nuzulnya ialah permintaan isteri-isteri Nabi SAW terhadap nafkah dan mereka menuntutnya lebih daripada kemampuan Nabi SAW.” (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Nasikh dan al-Mansukh

Beliau juga menyentuh tentang perbahasan nasikh dan mansukh contohnya pada ayat 46, surah al-Ankabut, firman Allah Taala:

(﴿ وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ﴾)

(al-Ankabut: 16)

Ertinya: Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik.

Al-Kindi berkata:

واختلف المفسرون في المراد بهذه الآية، فقال ابن زيد: معناها (وَلَا تُجَادِلُوا) مَنْ آمَنَ بِمُحَمَّدٍ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فكأنه قال: أهل الكتاب المؤمنين (إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ) أي: بالموافقة فيما حدثوكم من أخبار أوائلهم وغير ذلك، وقوله على هذا التأويل (إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا) يريد به من بقي على كفره منهم، كمن كفر وغدر من بني قريظة والنضير وغيرهم، والآية على هذا محكمة غير منسوخة. وقال مجاهد: المراد بأهل الكتاب: اليهود والنصارى الباقون على دينهم، أمر الله تعالى المؤمنين ألا يجادلوهم إلا بالأحسن من الدعاء إلى الله والتنبيه على آياته، وأن يُرَال معهم عن

طريق الإغلاظ والمخاشنة، وقوله على هذا التأويل (إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا) معناه: ظلموكم؛ وإلا فكلهم ظلمة على الإطلاق فيراد به من لم يؤد جزية ونصب الحرب، ومن قال وصرح بأنَّ لله ولداً أو له شريك أو يده مغلولة، فالآية على هذا منسوخة في مهادنة من لم يحارب. قال قتادة: هي منسوخة بقول الله تعالى: (قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ) [التوبة: 29] الآية.

Maksudnya: “Ahli tafsir berselisih pendapat tentang maksud ayat ini. Kata Ibnu Zaid: maksudnya ialah janganlah kamu berdebat dengan orang yang beriman dalam kalangan Ahli Kitab; seolah-olah Allah SWT berfirman: Ahli kitab yang beriman. “Kecuali dengan cara yang baik”, yakni: dengan menyetujui perkara yang diberitahu kepada kamu tentang berita generasi awal mereka dan lain-lain. Firman Allah: “Kecuali orang yang zalim” berdasarkan tafsiran ini bermaksud orang yang kekal dalam kekufuran dalam kalangan mereka; seperti Bani Quraizah, Bani Nadhir dan lain-lain yang kufur dan khianat. Berdasarkan tafsiran ini, ayat ini adalah muhkam dan tidak dimansuhkan. Mujahid pula berkata: “Maksud Ahli Kitab dalam ayat ini ialah orang Yahudi dan Nasrani yang kekal dalam agama mereka. Allah SWT memerintahkan orang beriman agar berdebat dengan cara yang terbaik dengan mereka seperti seruan kepada Allah dan memberi perhatian terhadap tanda-tanda kebesaran-Nya serta menghilangkan perkara yang kasar dan kesat daripada jalan tersebut.” Firman Allah: “kecuali orang yang zalim” berdasarkan tafsiran ini bermaksud mereka menzalimi kamu. Jika tidak, kesemua kamu adalah penzalim secara mutlak. Justeru, yang dimaksudkan sebenarnya ialah mereka yang tidak membayar jizyah dan mencetuskan peperangan. Barangsiapa yang berkata secara terang-terangan bahawa Allah mempunyai anak, sekutu atau tangan-Nya kudung, maka ayat ini dihukum mansukh oleh firman Allah SWT pada ayat 29, surah al-Taubah.” (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Metodologi Al-Kindi Dalam Permasalahan Aqidah

Al-Kindi banyak menolak pendapat al-Zamakhsyari yang dibawakan olehnya dalam kitab tafsirnya al-kashshaf berkenaan persoalan aqidah. Akan tetapi, al-Kindi akan memberi komentar berasaskan aqidah yang dipegang olehnya iaitu aqidah al-Asyairah. (Wafa Abdul Jabbar, 2022). Contohnya adalah pada ayat ke 12, surah al-Ankabut, Allah Taala berfirman:

(وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا اتَّبِعُوا سَبِيلَنَا وَلنَحْمِلَ خَطِيئَتَكُمْ)

(al-Ankabut: 12)

Ertinya: “Dan berkata orang kafir kepada orang yang beriman: Ikutilah agama kami, kami akan menanggung kesalahan-kesalahan kamu”.

Al-Zamakhsyari berkata dalam tafsirnya:

وبعض المتسمين بالإسلام إذا أراد أن يشجع صاحبه على ذنبه، قال له: افعِلْ هَذَا وَإِثْمُهُ فِي عُنُقِي، وَمِنْهُ مَا يُحْكِي أَنَّ رَجُلًا رَفَعَ إِلَى الْمَنْصُورِ حَوَائِجَهُ فَقَضَاهَا، فَقَالَ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، بَقِيَتْ لِي حَاجَةٌ وَهِيَ الْعِظْمَى، قَالَ: وَمَا هِيَ؟ قَالَ: شِفَاعَتِكَ فِي الْمَحْشَرِ، فَقَالَ عَمْرُو بْنُ عَبِيدٍ: إِيَّاكَ وَهَؤُلَاءِ فَهَمَّ قَطَاعَ الطَّرِيقِ فِي الْمَأْمَنِ.

Maksudnya: “Dan di antara orang yang mengaku beragama Islam, jika mereka ingin mengajak temannya melakukan dosa, mereka akan berkata kepadanya: Lakukanlah perkara itu maka dosamu itu nanti akan ditanggung olehku. Diceritakan bahawasanya terdapat seorang lelaki mengadu kepada Al-Mansour tentang hajatnya lalu dia menunaikannya. Lelaki itu kemudian berkata: Wahai Amirul Mukminin, saya mempunyai satu lagi hajat, dan ia adalah yang paling utama. Al-Mansour bertanya: Apakah itu? Dia menjawab: Syafaat kamu di hari perhimpunan. Amru bin Ubaid

berkata: Berhati-hatilah terhadap mereka ini, kerana mereka adalah penyamun di tempat yang sunyi.” (al-Zamakhshari, 1986)

Al-Kindi kemudiannya memberi komentar dengan berkata:

عمرو بن عبيد؛ أول القدرية المنكرين للشفاعة فاحذره، وليست الآية مطابقة للحكاية ولكن الزمخشري يبني على أنه لا فرق بين اعتقاد الشفاعة واعتقاد أنّ الكفار يحملون خطايا أتباعهم، فلذلك ساقها سياقاً واحداً -نعوذ بالله من ذلك.

Maksudnya: “Amru bin Ubaid adalah seorang Qadariyyah yang pertama mengingkari syafaat, maka waspadalah terhadapnya. Ayat tersebut tidak sama dengan kisah tersebut, tetapi Al-Zamakhshari memberi gambaran bahawa tidak ada perbezaan di antara kepercayaan kepada syafaat dan kepercayaan bahawa orang kafir menanggung dosa pengikutnya, maka dia telah menyamakannya dalam satu konteks - kita berlindung kepada Allah daripada itu.” (Wafa Abdul Jabbar, 2022).

Metodologi al-Kindi dalam Permasalahan Fiqh

Al-Kindi seorang ulama yang berpegang kepada mazhab Maliki. Oleh kerana itu, beliau banyak menukilkan pendapat Imam Malik berkenaan permasalahan fiqh dalam tafsirnya. Sebagai contoh, firman Allah Taala:

[وَ لِلّٰهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللّٰهِ]

(al-Baqarah: 115)

Ertinya: “Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang direndhai Allah”

Al-Kindi berkomentar berkenaan hukum solat menghadap ke arah selain kiblat:

وفيه حجة لمالك رضي الله عنه في أنها تصح -يعني بذلك صلاة من صلى إلى غير القبلة خطأ- وإنما يستحب الإعادة في الوقت خلافاً للشافعي رحمه الله، فإنها عنده غير صحيحة البتة.

Maksudnya: “Pada ayat ini mengandungi hujah di sisi Imam Malik bahawasanya sesuatu solat itu dikira sah jika tidak menghadap kearah kiblat secara tepat namun disunatkan untuk mengulangi kembali solat tersebut, berbeza dengan mazhab al-Syafie yang mana beliau menyatakan solat tersebut tidak sah sama sekali” (Widragu Abu Bakar, 2019).

KESIMPULAN

Setelah membaca, melakukan penyelidikan, dan kajian terhadap sejarah al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi dan karyanya, al-Kafeel bi Ma’ani al-Tanzil, kajian ini dapat dirangkum kepada beberapa aspek antaranya ialah Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi merupakan seorang alim dan mahir dalam bidang tafsir al-Quran, seorang yang berpegang dengan mazhab Maliki serta memegang jawatan seorang qadhi di Mesir pada zamannya, malah beliau diberi gelaran dengan ketua qadhi. Beliau banyak menulis, berkarya dan meriwayatkan hadith serta mengeluarkan fatwa.

Berdasarkan penyelidikan menyeluruh penulis, Al-Qadhi Emaduddeen al-Kindi berjaya menunjukkan keluasan ilmunya dalam pelbagai bidang dan mengaplikasikan pengetahuannya tersebut dalam mentafsirkan al-Quran al-Karim. Al-Kindi menjadikan tafsir al-Kashshaf oleh al-Zamakhshari sebagai rujukan utama dalam pendekatannya terhadap penafsiran al-Quran.

Sebagai hasil dari kajian ini, penulis melihat masih terdapat ruang yang dapat dikembangkan seperti ilmu tafsir al-Quran bil Ma'thur yang telah digunakan oleh al-Kindi dalam penafsiran al-Quran. Hasil kajian ini menggambarkan betapa pentingnya pendekatan tafsir al-Quran bil Ma'thur dalam penulisan tafsir al-Quran tanpa menafikan aspek Bahasa Arab itu sendiri seperti yang telah digunakan oleh al-Kindi dalam menukilkan kalam al-Zamaksyari berkaitan aspek tersebut. Pendekatan ini tidak hanya mendalami pemahaman teks al-Quran dengan tepat, tetapi juga memberikan wawasan yang lebih baik dalam mempraktikkan ayat-ayat al-Quran dalam konteks kehidupan sehari-hari.

Penulis mencadangkan beberapa langkah yang dapat diambil antaranya ialah menubuhkan projek-projek kajian untuk mengembangkan lagi pemikiran dan karya penulisan al-Kindi, yang melibatkan karya-karya yang masih berbentuk manuskrip tulisan tangan dan kemudiannya diterbitkan dalam dunia percetakan bagi disebar luaskan kepada masyarakat. Hasil kajian ini boleh dijadikan silibus dalam kursus tafsir dan juga sebagai bahan latihan bagi pelajar yang berminat mendalami bidang tafsir al-Quran.

Rujukan

- Abu Anyas, 2020. Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil, Surah al-A'raf, ayat 65-141, Dirasatan wa Tahqiqan. Tesis Sarjana. Universiti Islam Madinah.
- Al-'Awaisah, A.H. 2019. *Al-Balaghah al-Quraniyyah 'inda Fadhl Hassan Abbas*. Dubai: Jaizah Dubai al-Dauliyah lil Quran al-Karim.
- Al-Balwi, K.I. t.t.. *Taj al-Mafraq fi Tabliab Ulama' al-Mashraq*. T.tmp: Mashru' Ihya' Turath al-Islamiy.
- Al-Uthaimin, M.Soleh. 2016. *Dasar Utama Usul Tafsir*. Bayyinah Enterprise.
- Al-Zamakhshari, M.A. 1986. *Al-Kashshaf 'an Haqiq al-Takwil wa Gawamid al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Majah, Q. 2013. *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Muassasah Risalah al-Nasyirun.
- Ibnu Rafi', M.H. 1982. *Al-Wafayat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muda, A.L., Ali, R. 2021. *Ulum al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Shohibuddin, W.A.J 2022. Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil, Surah al-Ankabut ayat 1- al-Ahzab ayat 40, Dirasatan wa Tahqiqan. Tesis Sarjana. Universiti Islam Madinah.
- Suhaib 2018. Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil, Surah al-Nisa', ayat 1-35, Dirasatan wa Tahqiqan. Tesis Sarjana. Universiti Islam Madinah.
- Widragu Abu Bakar 2019. Al-Kafeel bi Ma'ani al-Tanzil, Surah al-Baqarah ayat 8-134, Dirasatan wa Tahqiqan. Tesis Sarjana. Universiti Islam Madinah.